

Harian Tengah Istiadat 'menebus pesaka'

SEREMBAN, Isnin — Anak-anak Waris Datuk Muda Linggi akan menyempurnakan istiadat 'menebus pesaka' Datuk Muda Linggi di Balai Datuk Shahbandar Luak Sungai Ujong Kampung Belangan dekat sini Rabu ini.

Istiadat itu diadakan berikutan pemecatan Datuk Abu Zarim Haji Mulop daripada menyandang pesaka Datuk Muda Linggi 27 Mac lalu. Beliau dipecat oleh kira-kira 100 anak Waris Datuk Muda Linggi daripada tiga Perut, iaitu Solok, Pengkalan dan Hilir.

Jurucakap ketua-ketua adat Waris di Darat dan di Alir Luak Sungai Ujong berkata hari ini istiadat itu akan berlangsung di hadapan Datuk Shahbandar Shahari Haji Hassan.

"Istiadat ini akan diketuai oleh Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Adat Wilayah Linggi, Haji Othman Harun dan dihadiri oleh wakil-wakil Waris lelaki dan perempuan Waris Datuk Muda Linggi.

"Mengikut aturan adat dan pesaka Luak Sungai Ujong, istiadat 'menebus pesaka' ini meliputi istiadat 'menimbang salah' dan anak-anak Waris berkenaan akan diminta menjelaskan bayaran denda dalam bentuk wang tunai berdasarkan kepada kesalahan yang dilakukan

oleh seseorang penyandang pesaka itu," katanya.

Dalam kenyataan kepada Berita Harian di sini, beliau berkata istiadat itu akan disusuli oleh istiadat 'bertabur melukut' (kenduri), yang akan berlangsung di rumah seorang Waris perempuan Waris Datuk Muda Linggi di Linggi pada keesokan harinya.

Menurutnya, istiadat itu akan turut dihadiri oleh Datuk Shahbandar Shahari, Datuk-Datuk Lembaga Tiang Balai Luak Sungai Ujong dan Tua-Tua Waris di Darat dan di Alir Luak berkenaan.

Lazimnya, satu istiadat perlantikan penyandang pesaka yang baru akan diadakan selepas berlangsungnya istiadat 'menebus pesaka' dan 'bertabur melukut'.

Bagaimanapun, jurucakap itu tidak dapat mengesahkan tarikh sebenar anak-anak Waris Datuk Muda Linggi dijadual mengadakan istiadat perlantikan penyandang pesaka Datuk Muda Linggi yang baru.

Datuk Muda Linggi Abu Zarim dipecat kerana beliau dikatakan melakukan enam kesalahan adat termasuk campur tangan dalam urusan pemilihan Datuk Kelana Putra (Undang Luak Sungai Ujong) ke-10.